

Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan



Rut: Sebuah
kisah cinta



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Janie Forest

Disadur oleh: Lyn Doerksen

Alastair P.

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children

www.M1914.org

BFC

PO Box 3

Winnipeg, MB R3C 2G1

Canada

©2020 Bible for Children, Inc.



Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.



Jika anda dapat bertemu dengan nenek moyang anda, ibu bapa mereka, dan semua sanak saudara dalam keluarga anda, anda mungkin terkejut dengan siapakah mereka dan dari mana asal usul mereka. Dalam Alkitab, salah seorang daripada nenek moyang Yesus adalah Rut - seorang wanita Moab yang pernah menyembah berhala.




Kisah Rut bermula di Israel selepas era Simson, apabila umat Tuhan berhenti mempercayai dan mentaati Allah. Satu kebuluran yang dahsyat melandai tanah Kanaan. Adakah anda tahu apa erti kebuluran? Betul! Kebuluran berlaku apabila tiada buah-buahan atau tanam-tanaman tumbuh, dan haiwan dan kadang-kadang bahkan manusia mati kelaparan.



Seorang lelaki, Elimelekh, meninggalkan Bethlehem dengan isteri dan dua orang anak lelaki untuk mencari makanan. Dia pergi ke Moab, sebuah negara di mana orang di sana menyembah berhala.



Perkara yang tidak baik berlaku pada Elimelekh dan keluarganya di Moab. Dia meninggal dunia, diikuti oleh dua orang anak lelakinya.



Maka tinggal isterinya, Naomi, bersama dengan isteri-isteri dua anaknya, Rut dan Orpa. Kedua-dua gadis ini berasal dari Moab.



Naomi, kini balu, mendengar bahawa Tuhan telah melawat umat-Nya, memberi mereka roti. Beliau memutuskan untuk kembali ke tanah airnya.

Tetapi bagaimana pula dengan kedua-dua gadis tersebut? Naomi

menasihati mereka untuk tinggal di Moab dan berkahwin lagi.



Orpa kembali kepada keluarganya sendiri. Tetapi Rut enggan. Sebaliknya, Rut menyanyikan sebuah puisi yang indah yang berjanji dia tidak akan meninggalkan ibu mertuanya.






Kawan-kawan lama Naomi gembira bahawa dia telah pulang ke Betlehem. Tetapi dia meminta mereka memanggilnya "Mara" (pahit) dan bukan Naomi (menyenangkan).

"Kerana Allah Yang Maha Kuasa telah menjadikan kehidupan saya pahit."

Naomi telah kembali dengan tangan kosong - hanya ada Rut sahaja.



Walaupun Rut telah menyembah berhala seperti kebanyakan orang di Moab, dia telah berpaling dari penyembahan tersebut dan menyembah Allah Israel yang Maha Hidup. Rut bekerja keras untuk memastikan Naomi mempunyai cukup makanan. Setiap hari dia mengikuti penuai ke ladang dan mengutip barli yang tercicir.





Boas, pemilik padang, mendengar betapa baik Rut kepada ibu mertuanya. Apabila dia bertemu dengan Rut, Boas membantu dia dengan memberi pesan kepada penuai agar meninggalkan genggamannya di ladang supaya Rut dapat mengutip mereka. Boas mulai menyukai Rut.




Apabila Ruth
memberitahu Naomi
mengenai Boas dan
kebaikannya, wanita
tua ini memuji
Tuhan. "Lelaki itu
adalah saudara
dekat kita."






Masa
terus
berlalu.
Boas mahu
mengahwini

Rut dan menjaga Naomi, dan tanah keluarganya. Tetapi saudara terdekat yang lain mempunyai hak dulu. Saudara tersebut mahu tanah itu - tetapi dia tidak mahu Rut sebagai isterinya. Undang-undang itu berkata dia tidak boleh mempunyai satu tanpa yang lain.



Pada masa itu, orang ramai tidak berjabat tangan untuk menyelesaikan penjualan. Boas menanggalkan kasut dan memberikannya kepada orang lain. Penjualan itu pun sahlah. Rut akan menjadi isterinya.




Kini, dia dan Naomi adalah sebahagian daripada keluarga Boas'.



Boas dan Rut
menamakan anak
pertama mereka
Obed. Beliau
menjadi datuk
kepada Daud,
Raja Israel.



Tetapi lebih hebat, bayi Obed adalah moyang kepada Tuhan Yesus Kristus. Yesus datang melalui talian keluarga Daud untuk menjadi Raja yang Terutama dan Penyelamat dunia.




Rut: Sebuah kisah cinta
satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,
terdapat dalam

Rut

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi
terang, memberi pengertian kepada
orang-orang bodoh." Mazmur 119:130





TAMAT



Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

